PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA

# DASAR PASUKAN LATIHAN NEGARA (TERBARU) 2015

Jawatankuasa Pasukan Latihan Negara

Rumah B-P
Jalan Hang Jebat
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03 – 2078 0836 / 2070 6978
Fak: 03 – 2070 9057

# PLN 1

## *PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA*

### CARTA ORGANISASI PASUKAN LATIHAN NEGARA



**PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA**
**PASUKAN LATIHAN NEGARA**

## DASAR PASUKAN LATIHAN NEGARA

1 Menyediakan Rancangan Latihan Pemimpin Pengakap yang bermutu selaras dengan Dasar dan Matlamat asal Persekutuan Pengakap Malaysia dan disesuaikan dengan kehendak semasa dan WOSM.

2 Semua kursus Manik Kayu Pemimpin Pengakap atau yang berkaitan dengannya mesti dikendalikan oleh Pasukan Latihan Negara atau wakilnya. Lain-lain kursus kepada pemimpin yang berkaitan kepengakapan hendaklah dengan izin atau kerjasama Pasukan Latihan Negara untuk kualiti, penyelarasan dan pemantauan.

3 Sebarang kursus kepada pemimpin dan budak Pengakap yang berkaitan kepengakapan atau lainya tanpa izin atau kerjasama Pasukan Latihan Negara maka sijilnya tidak diiktiraf dan sekiranya diterbitkan lencana maka ianya tidak boleh dipakai pada pakaian seragam Pengakap.

4 Rancangan Latihan bagi Unit-Unit Budak Pengakap hendaklah mengikut Dasar dan Matlamat asal Persekutuan Pengakap Malaysia. Sebarang penggubalan, tambahan atau pindaan Rancangan Latihan bagi Unit-Unit Budak Pengakap hendaklah dengan kelulusan Pasukan Latihan Negara bersama Pasukan Program Negara.

5 Penganugerahan Manik Kayu kepada pemimpin Pengakap dengan berintegriti.

6 Mengendalikan Kursus Pentaraf Pengakap Raja.

7 Pemimpin Pengakap diberi lain-lain kursus tambahan bagi pengembangan diri.

8 Pasukan Latihan Negara dan Pasukan Program Negara bekerjasama dengan lain-lain Bahagian di PPM.

9 Membuat pemurnian kepada Rancangan Latihan Pemimpin.

10 Membuat pemurnian kepada Rancangan Latihan bagi Unit-Unit Budak Pengakap.

11 Ketelusan dalam perlantikan Jurulatih dan Penolong Jurulatih mengikut Dasar Dewasa Dalam Kepengakapan (Adult In Scouting).

12 Memberi Kursus Pengenalan kepada Ahli Majlis yang dipilih dalam Mesyuarat agung di peringkat Kebangsaan, Negeri dan Daerah.

13 Mengemaskini borang dan sijil Bahagian Latihan Negara.

14 Menyokong dan mengukuhkan Pasukan Latihan Negeri-negeri.

15 Menyokong dan mengukuhkan Lembaga Pentarafan Pengakap Raja Negeri-negeri.

16 Mengadakan Retreat Jurulatih secara berkala.

17 Menganugerahkan atau membatalkan Sijil, Tauliah dan Manik Kayu 4 butir, 3 butir dan 2 butir kepada Pemimpin.

18 Bekerjasama dengan WOSM dan negara-negara lain dalam latihan kepengakapan.

# ETIKA JURULATIH

1. PEMEGANG SIJIL C.L.T DAN C.A.L.T DAN BERTAULIAH
   Pemegang Sijil C.L.T. layak memakai 4 butir manik kayu dan Pemegang Sijil C.A.L.T. layak memakai 3 butir manik kayu namun mereka mesti dianugerahkan **Sijil Tugas Khas/Tauliah** oleh Ketua Pengakap Negara untuk bergelar **Jurulatih dan Penolong Jurulatih.**
2. MENJIWAI & AMALKAN UNDANG-UNDANG & PERSETIAAN PENGAKAP.
3. MELATIH, MEMBIMBING, MENDIDIK PENGAKAP DAN PEMIMPIN.
4. BERINTEGRITI.
   Seorang Ahli Pengakap yang jujur, amanah dan telus.
5. BERILMU DAN PENGALAMAN.
   Mempunyai ilmu dan pengalaman kepengakapan luas dan menambah ilmu.
6. IKHLAS.
7. BERDISIPLIN.
8. ADA MASA.
9. SOKONGAN KELUARGA.
10. KESUKARELAAN YANG TINGGI.
11. BERKETRAMPILAN.
12. BERFIKIRAN TERBUKA.
13. BERSOSIAL DAN BEKERJASAMA DENGAN SEMUA.
14. MAHIR BERKOMUNIKASI DAN BERBUDI BAHASA.
15. PENYABAR DAN PENYAYANG.
16. RAJIN DAN KREATIF.
17. BERKEMAMPUAN DAN PEMURAH.
18. BERWAWASAN.
19. JAGA MARUAH DIRI, JURULATIH, PEMIMPIN DAN BUDAK PENGAKAP.
20. JAGA KESELAMATAN DIRI, KELUARGA, BUDAK & PEMIMPIN.
21. MENINGKAT DAN MEMPERTAHANKAN IMEJ PPM.
    Jurulatih umpama jurujual kepada PPM.
22. MEMANTAU PEMAKAIAN PAKAIAN SERAGAM PENGAKAP.

**JL 2**

**PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA**
**PASUKAN LATIHAN NEGARA**

**SYARAT CALON C.A.L.T.**
(KURSUS PENOLONG JURULATIH)

1. Warganegara Malaysia.
2. Ahli Persekutuan Pengakap Malaysia.
3. Ada Tauliah sebagai pemimpin Pengakap/Sijil Tugas Khas oleh PPM.
4. Mempunyai 2 butir Manik Kayu dari 2 Unit Pengakap. Manik Kayu pertama tidak kurang 3 tahun. Manik kayu kedua sekurangnya hingga Peringkat 3.
5. Umur tidak kurang 30 tahun.
6. Sihat fizikal, emosi & mental.
7. Pemimpin Pengakap yang aktif dan menjawat jawatan ATAU banyak berkhidmat kepada daerah/negeri/kebangsaan (sertakan sijil bukti).
8. Memakai pakaian seragam lengkap pemimpin Pengakap.
9. Patuh kepada Persetiaan Pengakap dan Undang-Undang Pengakap.
10. Mempunyai hubungan sosial yang baik dengan budak-budak, pemimpin pengakap dan masyarakat.
11. Mempunyai sikap kesukarelaan yang tinggi, ikhlas dan proaktif.
12. Tidak mempunyai rekod jenayah atau tidak dikenakan tindakan disiplin oleh PPM.
13. Menghantar borang permohonan yang lengkap dan tepat masanya.
14. Mendapat sokongan Ketua Pesuruhjaya Negeri.
15. Hadir sebagai peserta sepenuh masa.
16. Membayar yuran penyertaan.

# JL 3

**PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA**
**PASUKAN LATIHAN NEGARA**

**SYARAT CALON C.L.T.**
(KURSUS JURULATIH ANTARABANGSA)

1. Warganegara Malaysia.
2. Ahli Persekutuan Pengakap Malaysia .
3. Mempunyai Tauliah sebagai Pemimpin Pengakap/Sijil Tugas Khas oleh PPM.
4. Mempunyai Sijil C.A.L.T. tidak kurang 3 tahun.
5. Mempunyai Sijil 2 manik kayu dari 2 Unit Pengakap.
6. Umur tidak kurang 35 tahun.
7. Memegang jawatan dan aktif sebagai pemimpin di Kumpulan atau aktif sebagai Penolong Jurulatih di daerah/negeri/kebangsaan.
8. Sihat fizikal, emosi dan mental.
9. Hubungan sosial yang baik dan kerjasama baik dengan pemimpin pengakap, budak pengakap dan masyarakat.
10. Patuh kepada Persetiaan dan Undang-Undang Pengakap.
11. Sikap kesukarelaan yang tinggi, ikhlas dan proaktif.
12. Tidak mempunyai rekod jenayah atau tindakan disiplin oleh PPM.
13. Menghantar borang permohonan yang lengkap dan tepat masanya.
14. Mendapat sokongan Ketua Pesuruhjaya Negeri.
15. Mengikuti kursus sepenuhnya.

MK 1

## CARTA PERMOHONAN DAN PANDUAN MENJALANKAN KURSUS MANIK KAYU

| JENIS KURSUS | PEMOHON KURSUS | TEMPOH MOHON | TEMPOH LUPUT KEBENARAN | JUMLAH PESERTA | LAPORAN KURSUS | SIJIL KURSUS | JURU LATIH | URUSETIA/ PEMBANTU |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **1. KURSUS PENERANGAN (8 JAM)**<br>**Ketua Kursus:** Jurulatih 4MK sahaja.<br>**2. KURSUS PERINGKAT 1 (3H 2M)**<br>**Ketua Kursus:** Jurulatih 4MK atau PJL 3MK<br>**3. KURSUS PERINGKAT 2 (PKK 6H 5M) (PM/PR/PK 7H 6M)**<br>**Ketua Kursus:** Jurulatih 4MK Sahaja.<br>PERHATIAN:<br>1. Kursus yang tidak mengikut syarat yang ditetapkan adalah tidak sah.<br>2. Jika Ketua Juru latih sedang dalam amali 4MK/3MK amalinya batal. | 1. Pengerusi Pasukan Latihan Negeri<br>2. Disah oleh Ketua Pesuruh jaya Negeri | 1. Tidak lewat 30 hari dari tarikh kursus akan dijalan kan.<br>2. Tidak seawal 90 hari dari tarikh kursus akan dijalankan | Jika kursus tidak dapat dijalankan ia boleh ditunda ke kepada tarikh lain tidak lewat 30 hari dari tarikh kursus yg sepatutnya dijalankan **DENGAN SYARAT:**<br>1. memaklum kan secara bertulis kepada Bahagian Latihan Negara PPM pindaan tarikh baharu & nyata kan butiran pindaan lain. | MINIMA: **16 orang**<br>MAKSIMA: **50 orang**.<br>**Perhatian:** Kursus yang dijalankan lebih dari 1 kursus ditempat yang sama **TIDAK BOLEH menjalankan secara kelompok. Jika dilakukan semua kursus tidak sah dan terbatal.** | Laporan lengkap kursus WAJIB dihantar tidak lewat 15 hari dari tarikh tamat kursus oleh **Peringatan: Ketua Kursus.**<br>1.Tidak hantar laporan kursus bermakna kursus dan sijil peserta tidak sah dan batal.<br>2. Jurulatih 4MK/Pen. J.latih 3MK yang praktikal sebagai Ketua Kursus tidak sah. | 1. Diberi ikut bilangan peserta yang mengikuti kursus dari awal keakhir dan lulus yang sahaja.<br>2. Sijil ditulis dahulu nama peserta sebelum ditanda tangan.<br>3. Sijil ditanda tangani<br>-Ketua Kursus,<br>-Ketua Pjaya Negeri.<br>-Pengerusi Latihan Negeri. | 4MK/ 3MK yang telah ada sijil sahaja. | 2MK/ PEMIMPIN/ KELANA/ P.REMAJA:<br>QM MAKANAN: 2MK/ PEMIMPIN.<br>QM ALATAN: 2MK/ PEMIMPIN. |

# CARTA PENGENDALIAN KURSUS MANIK KAYU



| JENIS KURSUS | TEMPOH /LAMA | TEMPAT | KETUA KURSUS | PENOLONG JURULATIH | PEMBIM-BING | 1. URUSETIA<br>2. QM MAKAN<br>3. QM ALATAN<br>4. PEMBANTU | PERALATAN | PEMANTAU |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. Pengenalan | 8 jam | Bilik/dewan | 4MK (Sijil) berpenga laman | 4MK/3MK b.pengalaman sahaja.<br>3 orang | - tiada - | 1. 2MK / Pemimpin/ P.Kelana/ P.Remaja | - | 1. Pengerusi L. Negeri.<br>2. Pengerusi L.Daerah<br>3. 4MK |
| 2. Peringkat 1 | 3H2M | Lapangan | 4MK/3MK | 1.4MK/3MK 4 orang<br>2.Profasional | 4MK/3MK<br>5 orang | 1. -sda-<br>2. 2MK/pemim<br>3. 2MK/pemim<br>4. -sda- | 1. Urusetia<br>2. Perkhemah an | 1. BLNegara<br>2. PL.Negeri<br>3. Pasukan L.Negeri |
| 3 Latihan Amali (I) | 6 – 8 minggu | Kumpulan | Tiada | tiada | 1 : 4 orang | Tiada | tiada | 1. PLD/PLN<br>2. 4MK3MK |
| 4. Peringkat 3 | 6H5M<br>7H6M | Lapangan | 4MK (Sijil) | 1.4MK/3MK 6 orang<br>2.Profasional | 4MK/3MK<br>5 orang | 1. -sda-<br>2. 2MK/pemim<br>3. 2MK/pemim<br>4. -sda- | 1. Urusetia<br>2. Perkhemah an | 1. Bahagian Latihan Negara<br>2. Pengerusi L.Negeri<br>3. Ahli Pasukan L.Negeri |
| 5. Latihan Amali (II) | 6 – 8 minggu | Kumpulan | Tiada | tiada | 1:4 orang | Tiada | tiada | 1. PLD/PLN<br>2. 4MK3MK |

# LANGKAH PENGANUGERAHAN MANIK KAYU 2 BUTIR

# MK 3

**Berikut adalah syarat-syarat seseorang dewasa layak dianugerahkan 2 butir Manik Kayu Unit-Unit Pengakap.**

| CALON | SYARAT-SYARAT | CATATAN |
|---|---|---|
| 1. **PEMIMPIN DI KUMPULAN** | 1. Warganegara Malaysia berumur tidak kurang 23 tahun/25 tahun.<br>2. Sihat fizikal, emosi dan mental.<br>3. Tidak mempunyai rekod jenayah atau tiada tindakan disiplin oleh PPM.<br>4. Berminat kepada pergerakan Pengakap mempunyai semangat kesukarelaan.<br>5. Mendaftar sebagai Ahli PPM di Kumpulan yang berdaftar.<br>6. Mempunyai tauliah pemimpin di Kumpulan tersebut.<br>7. Aktif dan menjalankan latihan kepada budak Pengakap di Kumpulannya.<br>8. Mempunyai pakaian seragam pemimpin Pengakap dan memakainya semasa latihan Kumpulan dan acara Pengakap.<br>9. Pemimpin yang bukan guru/kakitangan di sekolah kumpulannya **wajib ada surat kebenaran** daripada Kuasa Penganjur/ Guru Besar/Pengetua. | |
| 2. **KURSUS PENGENALAN**<br>- **Ketua Kursus mesti Jurulatih 4Bead** yang telah mendapat sijil. Jurulatih pemimpin yang telah ada sijil4Bead dan ada sijil 3Bead sahaja.<br>- **Peserta kursus terbuka**, keutamaan pemimpin pengakap.<br>**Tempat:** bilik/dewan | 1. Menghadiri kursus sepenuhnya dan dapat sijil kursus. Hanya bagi pemimpin Kumpulan yang bakal menghadiri kursus lanjutan Manik Kayu. | Dikendalikan oleh Pasukan Latihan Daerah/ Negeri<br>Ketua Kursus **WAJIB PADA KADAR SEGERA** menghantar Laporan Kursus kepada Pesuruhjaya Latihan Negara.<br>PEMBIMBING terdiri Jurulatih 4/3 Manik Kayu Yang telah dianugerahkan sijil atau yang dalam pemantauan, |

| | | |
|---|---|---|
| 3. **KURSUS PERINGKAT 1**<br>**- Ketua Kursus sekurangnya Penolong Jurulatih yang telah ada Sijil 3Bead.**<br>Tempat: Lapangan/berkhemah.<br>Makanan: Masak berpatrol. | 1. Peserta yang telah menghadiri Kursus Pengenalan.<br><br>2. Menghadiri kursus selama 3 hari 2 malam sepenuhnya dan dapat sijil kursus. | Dikendalikan oleh Pasukan Latihan Negeri.<br>Ketua Kursus **WAJIB PADA KADAR SEGERA** menghantar Laporan Kursus kepada Pesuruhjaya Latihan Negara. |
| 4. **LATIHAN AMALI (I) DI KUMPULAN DAN KETERLIBATAN AKTIVITI PENGAKAP DI DAERAH/NEGERI/ KEBANGSAAN/ANTARABANGSA** | 1. Menjalankan tugas pengurusan Kumpulan.<br>2. Menyimpan rekod-rekod Ahli Pengakapnya.<br>3. Mempunyai Buku Skim Latihan bagi Unitnya.<br>4. Mempunyai **BUKU LOG PERIBADI** yang mengandungi Rancangan Program/Latihan/ Aktivit Kumpulan dan rekod ujian dan pencapaian Ahli Pengakapnya.<br>5. Menjalankan latihan Pengakap unitnya dengan teratur mengikut kaedah Pengakap.<br>6. Merancang dan melaksanakan latihan Ahli Pengakap dengan agensi lain diluar sekolah/ Kumpulan.<br>7. Menjalankan ujian pencapaian kepada Ahli-Ahli Pengakapnya.<br>8. Mengiringi dan bersama Ahli Pengakap Kumpulannya/daerah/negeri dalam aktiviti luar, spt. perkhemahan dan kativiti anjuran kumpulan/daerah/negeri/kebangsaan dsb.<br>9. Berhubung dengan **PEMBIMBING** bagi mendapat bantuan, nasihat dan tunjuk ajar.<br>10. Mengambil bahagain aktiviti PPM daerah/ negeri/kebangsaan. | Dikendalikan oleh Pasukan Latihan Daerah/ Negeri bersama Pembimbing yang ditetapkan oleh negeri/Daerah (Jurulatih 4/3 Manik Kayu yang telah mendapat sijil atau yang dalam pemantaua |
| 5. **KURSUS PERINGKAT 3**<br>**- Ketua Kursus mesti Jurulatih yang telah ada sijil 4Bead.**<br>**- Jurulatih dan Penolong Jurulatih mereka yang ada sijil 4bead/3bead**<br>Tempat: Lapangan/khemah<br>Makanan: Masak berpatrol | 1. Selepas tidak kurang 3 bulan dari mengikuti Kursus Peringkat 1.<br>2. Menghadiri sepenuhnya kursus selama 6 hari 5 malam/7 hari 6 malam dan mendapat sijil.<br>3. Dapatkan seorang PEMBIMBING terdiri dari pada JURULATIH 4 Manik Kayu/3 Manik Kayu untuk mendapat bantuan dan tunjuk ajar. | Dikendalikan oleh Pasukan Latihan Negeri.<br>Ketua Kursus **WAJIB PADA KADAR SEGERA** menghantar Laporsn Kursus kepada Pesuruhjaya Latihan Negara. |

| | | |
|---|---|---|
| **6. LATIHAN AMALI (II) DI KUMPULAN DAN PENGLIBATAN AKTIVITI PENGAKAP DI DAERAH/NEGERI/ KEBANGSAAN/ANTARABANGSA** | 1. Menjalankan tugas pengurusan Kumpulan.<br>2. Menyimpan rekod-rekod Ahli Pengakapnya.<br>3. Mempunyai Buku Skim Latihan bagi Unitnya<br>4. Melengkapkan **BUKU LOG PERIBADI** yang mengandungi Rancangan Program/Latihan/ Aktivit Kumpulan dan rekod ujian dan pencapaian Budak Pengakapnya.<br>5. Menjalankan latihan Pengakap unitnya dengan teratur mengikut kaedah Pengakap.<br>6. Merancang dan melaksanakan latihan Ahli Pengakap dengan agensi lain diluar sekolah/ Kumpulan.<br>7. Mengiringi dan bersama Ahli Pengakap Kumpulannya/daerah/negeri dalam aktiviti luar, seperti perkhemahan dan kativiti anjurankumpulan/daerah/negeri/kebangsaan dsb<br>8. Mendapatkan bimbingan daripada Pembimbing.<br>9. Menjalankan Ujian Kemajuan Dan Pencapaian kepada Ahli Pengakap dan memakaikan lencana.<br>10. Mengambil bahagian aktiviti PPM daerah/ negeri/kebangsaan. | Dikendalikan oleh Pasukan Latihan Daerah/ Negeri bersama Pembimbing yang ditetapkan oleh Negeri/Daerah (Jurulatih 4/3 Manik Kayu yang telah mendapat sijil atau yang dalam pemantauan) |
| **7. MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN MANIK KAYU** | **Bagi mengelakkan kelewatan menerima Manik Kayu pemimpin perlu bertindak segera memohon:**<br>1. Gunakan borang yang betul.<br>2. Borang hendaklah diisi lengkap serta dilekat **GAMBAR TERBARU BERPAKAIAN PEMIMPIN PENGAKAP BERSAIZ PASSPORT (Gambar yang disalin dan tidak jelas atau tidak disertakan gambar akan ditolak permohonan).**<br>3. Sertakan semua dokumen-dokumen yang telah disahkan dan bukti-bukti Latihan Amali (I) dan (II) bersama borang permohonan.<br>4. Sertakan bayaran yuran pendaftaran manik kayu RM 20.00. | Tindakan Pasukan Latihan Negeri dan Ketua Pesuruhjaya Negeri:<br>- Selain Borang Permohonan yang lengkap perlu disertakan juga dokumen berikut:<br>- Salinan Kad Pengenalan<br>- Salinan Kad Keahlian<br>- Salinan Sijil Kursus Manik Kayu<br>- Salinan Sijil Lencana kepandaian/kemahiran Ahli Pengakap. |
| | | |

| | | |
|---|---|---|
| 8. **PENGANUGERAHAN MANIK KAYU 2 BUTIR** | **Permohonan yang lengkap dan memenuhi syarat akan diluluskan. Sijil dan Manik Kayu akan diserahkan kepada Pengerusi Pasukan Latihan Negeri masing-masing untuk disampaikan kepada pemimpin dalam satu Istiadat Pengalongan Manik Kayu.** | **Kegagalan permohonan Manik Kayu:**<br>1. **Kursus TIDAK MENDAPAT KEBENARAN.**<br>2. **Kursus TIDAK SAH kerana melanggar syarat atau peraturan kursus.**<br>3. **Tarikh kursus, tempat dan jurulatih tidak sama seperti permohonan kursus.**<br>4. **Jurulatih kursus tidak layak jadi Jurulatih.**<br>5. **Ketua Kursus tidak hantar laporan kursus**<br>6. **Borang permohonan tidak lengkap.**<br>7. **Nama pemohon tidak sama seperti borang laporan Ketua Kursus.**<br>8. **Tiada tandatangan pemantau Latihan Amali.**<br>9. **Tiada sokongan dan pengesahan Pengerusi Latihan Negeri dan Ketua Pesuruhjaya Negeri.**<br>10. **Tidak melekatkan gambar terbaru yang asli berpakaian pemimpin Pengakap.**<br>11. **Tidak menyertakan dokumen asal atau salinan seperti dikehendaki.**<br>12. **Tidak menyertakan bayaran.**<br>13. **Permohonan terlalu lama selepas tarikh tamat kursus terakhir dan Latihan Amali.**<br>14. **Pemohon tidak mempunyai kumpulan dan tidak melatih Ahli Pengakap.**<br>15. **Kecuaian pengurusan borang di peringkat daerah atau negeri.** |

# JL 4

## PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA

## TUGASAN PESERTA C.L.T DAN C.A.L.T SELEPAS MENGHADIRI KURSUS DAN PRASYARAT DIANUGERAH SIJIL

Selepas menghadiri Kursus C.A.L.T. dan C.L.T. peserta yang lulus dan mendapat sijil kursus **WAJIB** menyiapkan **DUA TUGASAN** yang perlu dilaksanakan segera dalam tempuh 12 bulan selepas tamat kursus.

A.
1. MENJADI KETUA KURSUS MANIK KAYU PEMIMPIN ATAU KURSUS PENTARAF PENGAKAP RAJA (Bagi mereka yang ada Sijil Pentaraf Pengakap Raja sahaja).
2. MENJADI JURULATIH/PENOLONG JURULATIH KURSUS MANIK KAYU PEMIMPIN ATAU KURSUS PENTARAF PENGAKAP RAJA (Bagi mereka yang ada Sijil Pentaraf Pengakap Raja sahaja).
3. MENJADI PEMBIMBING KEPADA 3 ORANG PEMIMPIN YANG DALAM PROSES MENDAPAT MANIK KAYU.
4. MENGHADIRI KURSUS PENTARAF PENGAKAP RAJA (Bagi Mereka yang bukan Pentaraf Pengakap Raja di Negeri.

| KURSUS | JADI KETUA KURSUS 2M KAYU/ PENTARAN PENGAKAP RAJA | | JURULATIH KURSUS 2MK/ PENTARAF P.RAJA | | PMBIMBING PEMIMPIN |
|---|---|---|---|---|---|
| | KURSUS | BIL.MINIMA | KURSUS | BIL.MINIMA | BIL.MINIMA |
| C.A.L.T | 1.Peringkat 1<br>2.Pentaraf Pengakap Raja | 2 | Peringkat 1<br>Peringkat 3 | 2 | 3 orang |
| C.L.T. | 1. Penerangan<br>2. Peringkat 1<br>3.Pentaraf Pengakap Raja | 2 | Penerangan<br>Peringkat 1<br>Peringkat 3 | 3 | 3 orang |

**PERINGATAN:**

1. **KETUA KURSUS** hendaklah mengurus keseluruhan kursus dari awal hingga penyerahan laporan kursus kepada Bahagian Latihan Negara. Laporan Kursus mesti dihantar tidak lewat 2 minggu selepas kursus.
2. Kursus hendaklah dijalankan pada tarikh, tempat dan Jurulatih mengikut borang permohonan kursus asal. Kursus yang dijalankan tidak mengikut borang permohonan asal atau pindaan tanpa kebenaran Bahagian Latihan Negara adalah **BATAL.**

## B. TUGASAN 1: PESERTA C.L.T. (KURSUS JURULATIH ANTARABANGSA)

Bahan-bahan tugasan ini tidak dikembalikan dan menjadi Hak milik Pasukan Latihan Negara.

**Pilih satu sahaja:**

1.1. Menerbitkan satu rakaman asli VCD selama antara 15 – 20 minit DALAM 2 SALINAN mengenai tajuk yang belum dibuat oleh peserta lain daripada tajuk besar berikut:

a. Satu istiadat dalam mana-mana Unit Pengakap.

**ATAU**

b. Proses pembinaan 2 buah pionering.

**ATAU**

c. Pertolongan cemas CPR.

**ATAU**

d. Tapak Perkhemahan Pengakap yang sempurna.

**ATAU**

e. Tajuk yang persetujuai setelah dibincangkan dengan Pesuruhjaya Latihan Negara.

**ATAU**

1.2. Mengarang biografi **asli bergambar** SEORANG pemimpin Pengakap **kini ATAU bekas pemimpin** peringkat kebangsaan **ATAU** Ketua Pesuruhjaya Negeri **ATAU** Pesuruhjaya Daerah, tidak kurang dalam 100 muka surat. Sediakan 2 salinan.

**ATAU**

1.3. Mengarang sebuah buku sejarah karangan asli bergambar satu Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri atau Daerah tidak kurang 100 muka surat. Sediakan 2 salinan.

**ATAU**

1.4. Mengarang biografi asli ringkas bergambar tidak kurang 100 muka surat mengenai 10 orang tokoh pemimpin berbagai bidang (politik, koporat, penjawat awam, usahawan, pemimpin organisasi NGO peringkat kebangsaan, profasional, ulamak, ahli akademik, mereka yang Berjaya dalam sesuatu bidang dll)

## C. TUGASAN 2: PESERTA C.A.L.T. (KURSUS PENOLONG JURULATIH)

(Bahan-bahan tugasan ini tidak dikembalikan dan menjadi Hak milik Pasukan Latihan Negara)

2.1 Mengarang buku bergambar pakaian-pakaian seragam dan lencana-lencana Pengakap Malaysia dari awal hingga kini tidak kurang 50 muka surat. Sediakan dalam 2 salinan.

**ATAU**

2.2 Sediakan dalam suatu album besar **Skaf dan Lencana** semua Jambori Pengakap Sedunia dan beri huraian mengenainya.

**ATAU**

2.3 Sediakan dalam suatu album besar **Skaf dan Lencana** semua Jambori Malaysia **DAN 15** Jambori negeri-negeri di Malaysia dan beri huraiannya.

**ATAU**

2.4 Sediakan dalam satu album besar **Skaf dan Lencana** Jambori Kebangsaan 25 buah Negara dan beri hurainya.

**ATAU**

2.5 Karangkan dalam tidak kurang 75 muka surat beserta gambar satu Jambori Kebangsaan luar negara yang anda hadiri.

**ATAU**

2.6 Karangkan satu catatan berserta gambar dalam tidak kurang 75 muka surat mengenai satu pengembaraan pengakap yang anda lakukan di luar negara.

**ATAU**

2.7 Terjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia satu buku atau buku-buku Pengakap dari sebarang bahasa dunia yang jumlah muka surat terjemahan dan gambarnya tidak kurang daripada 100 muka surat. Kandungan buku mesti mengenai latihan dan aktiviti kepengakapan.

**ATAU**

2.8 Terjemahkan dalam Bahasa Malaysia tidak kurang 75 muka surat satu atau beberapa artikal dari WOSM atau APR atau negara luar yang berkenaan skim atau latihan atau aktiviti yang menarik minat budak-budak Pengakap.

**ATAU**

2.9 Terjemahkan dalam Bahasa Malaysia tidak kurang 75 muka surat satu atau beberapa artikal dari WOSM atau APR atau negara luar yang berkenaan skim atau latihan atau aktiviti untuk pemimpin Pengakap.

**ATAU**

2.10 Mengarang sebuah buku asli mengandungi tidak kurang 100 muka surat mengenai tajuk 'MENGAPA PILIH PENGAKAP'.

# JL 5

**PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA**
**PASUKAN LATIHAN NEGARA**

## PAKAIAN SERAGAM JURULATIH DAN PENOLONG JURULATIH

1. **KEPALA**:
   - 1.1 Beret warna biru tua
   - 1.2 Lencana Pengakap sulam/logam sebelah depan kiri

2. **BAJU NO.3**:
   - 2.1 Warna kelabu lengan pendek kolar congsam
   - 2.2 Epolet warna unggu. 3 lengkar Jurulatih. 2 lengkar P.Jurulatih
   - 2.3 Kalong Manik Kayu 4/3 butir
   - 2.4 Semua lencana asas uniform Pengakap: bendera Malaysia, lencana keahlian, tanda nama warna biru tua tulisan putih, logo WOSM
   - 2.5 Tanda anugerah/bintang/pingat di atas poket kiri
   - 2.6 Tali wisel dipakai oleh Ketua Kursus dan Jurulatih bertugas sahaja.
   - 2.7 Lencana besi di poket kiri (jika berkenaan)

3. **SELUAR**:
   - 3.1 Seluar panjang warna biru tua bertali pinggang
   - 3.2 Tali pinggang lebar 2" warna hitam kepala lambang Pengakap

4. **STOKIN**: Warna biru tua atau hitam.

5. **KASUT**:
   - 5.1 Kulit warna hitam bertali/tidak bertali yang menutup seluruh kaki

---

Peringatan:
1. Lain-lain lencana, pin, lambang tidak boleh dipasang pada pakaian seragam Jurulatih.
2. Jurulatih dan Penolong Jurulatih masih boleh memakai baju sedia ada sehingga tempuh akhir tahun 2016.
3. Pakaian seragam jurulatih **hanya boleh dipakai:**
   a) Semasa menjalankan latihan atau menghadiri aktiviti/ kursus berkaitan latihan Pengakap.
   b) Menghadiri mesyuarat latihan.
4. **Pakaian Jurulatih tidak boleh dipakai dalam majlis-majlis lain termasuk majlis rasmi oleh PPM atau mana-mana pihak.**